

**Metode Pengelolaan Konflik Politik:
Analisis Kasus Konflik Politik Ali-Mu'awiyah**

Mohd Shukri Hanapi
 Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
 Universiti Sains Malaysia
 E-mel: hshukeri@gmail.com / hshukri@usm.my

Abstrak

Makalah ini bertujuan meneliti dan menganalisis metode pengelolaan konflik politik berlandaskan pengajaran daripada kasus konflik politik yang terjadi antara Sayyidina Ali bin Abi Talib r.a. dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Konflik politik ini terjadi apabila kedua-dua pihak menginginkan suatu keperluan yang sama. Hal ini ditambah dengan adanya hambatan daripada kedua-dua belah pihak. Dengan itu berlakulah pertembungan nilai, kepentingan, tindakan, hala tuju, status dan berbagai-bagai keinginan. Kemuncak dari itu, tercetuslah pula pelbagai strategi politik dan perperangan. Tidak kira sama ada konflik yang berlaku itu kecil atau besar, ia perlu dikelolakan melalui metode yang baik bagi menjamin keutuhan, kestabilan, keamanan dan kemakmuruan Negara sentiasa terpelihara. Persoalannya, apakah metode pengelolaan konflik politik berlandaskan pengajaran kasus konflik politik Ali-Mu'awiyah? Bagi menjawab persoalan ini, perbincangan dalam makalah ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, membincangkan kasus konflik politik Ali-Mu'awiyah; dan kedua, membincangkan metode pengelolaan konflik politik berlandaskan pengajaran daripada kasus konflik politik Ali-Mu'awiyah tersebut. Kajian kualitatif yang menggunakan metode analisis kandungan ini mendapati metode pengelolaan konflik politik berlandaskan pengajaran daripada kasus konflik politik Ali-Mu'awiyah mempunyai beberapa elemen iaitu berpandukan tasawur al-Qur'an dan al-Sunnah; menggunakan kebijaksanaan dengan bertunjangkan keikhlasan; berwaspada dengan musuh; istiqamah; mengetepikan penglibatan pihak luar; dan menyelidiki sesuatu maklumat yang disebarluaskan.

Kata kunci: metode, pengelolaan, konflik, politik

**Political Conflict Management Methods:
Case Analysis of Ali-Mu'awiyah Political Conflict**

Abstract

This paper aims to examine and analyze the political conflict management methods based on lessons learned from the case of the political conflicts between Sayyidina Ali bin Abi Talib R.A. with Mu'awiya bin Abu Sufyan. The political conflict occurred when both parties want a similar requirement. This coupled with the constraints of both parties. With that act the clash of values, interests, action, direction, status and various desires. The highlight of it, I settled on was a political strategy and war. Regardless of whether the conflict is small or large, it should be managed through a good method to ensure the integrity, stability, security and prosperity of the country is preserved. The question is whether the political conflict management methods based teaching political conflicts Ali, Muawiya? To answer this question, the discussion in this paper is divided into two parts. First, discuss the case of Ali, Muawiya political conflict; and second, to discuss political conflict management methods based on lessons learned from the case of Ali-political conflict that Mu'awiya. A qualitative study using content analysis found political conflict management methods based on lessons learned from the case of Ali, Muawiya political conflict has several elements, which are

guided by beliefs of the Qur'an and Sunnah; use wisdom rooted in sincerity; wary of the enemy; steadfast; set aside the involvement of external parties; and investigate any information disseminated.

Keywords: methods, management, conflict, political

PENGENALAN

Konflik merupakan suatu pertentangan dan perselisihan yang terjadi antara dua pihak. Ia terjadi ketika kedua-duanya menginginkan suatu keperluan yang sama (Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah, 2013). Hal ini ditambah pula dengan adanya hambatan daripada kedua-dua pihak. Lawan kepada konflik ini ialah integrasi. Melalui integrasi masyarakat dapat disatukan. Dengan itu, masyarakat menjadi lebih baik atau harmonis. Di samping itu integrasi juga difahami sebagai suatu kata sepakat yang sudah dicapai, atau sudah dekat untuk dicapai.

Dalam politik, konflik dan integrasi merupakan dua hal yang tidak dapat dipisahkan. Konflik mempunyai hubungan yang erat dengan proses integrasi. Setiap konflik yang terjadi akan disusuli dengan usaha-usaha pengintegrasian atau perdamaian seperti bertindak menahan penggunaan kekerasan yang boleh menumpahkan darah, iaitu menggantikan konflik dengan suatu bentuk integrasi. Buktinya dapat dianalisis konflik politik yang terjadi mengenai *imamah* (kepimpinan) selepas kewafatan Rasulullah SAW, terutama antara golongan Muhajirin dengan Ansar. Walau bagaimanapun, konflik politik ini dapat dikelolakan dengan baik sehingga kedua-dua pihak bersetuju melantik Abu Bakar al-Siddiq r.a. sebagai khalifah Islam yang pertama. Dengan itu keadaan menjadi tenang dan tiada sebarang pertumpahan darah berlaku (Mahmud Syakir, 1991: 49-56).

Sekiranya sesuatu konflik politik yang terjadi itu gagal diintegrasikan atau dikelolakan dengan baik, ia akan mengundang konflik yang berpanjangan, malah membawa kepada perperangan. Semua ini akan memberikan kesan buruk kepada kehidupan (Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah, 2013). Hal ini dapat dibuktikan dengan kasus konflik politik yang terjadi antara kelompok Ali bin Abu Talib r.a. dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Punca terjadinya konflik politik ini apabila kelompok Mu'awiyah bin Abu Sufyan menuntut Ali bin Abu Talib r.a. yang dilantik menjadi Khalifah supaya mengambil tindakan terhadap kumpulan pemberontak yang terlibat dalam kasus pembunuhan 'Uthman bin 'Affan r.a. Pertentangan antara kelompok Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Ali bin Abi Talib r.a. semakin meruncing dan membawa kepada berlakunya Perperangan *Siffin* pada tahun 37H. (Abu Zahrah, 1996:26-29). Meskipun ada usaha mencari jalan penyelesaian terhadap konflik yang berlaku, seperti mengadakan Majlis *Tahkim* (berunding) di *Da'umah al-Jandal* pada bulan Ramadan tahun 37H, namun ia masih gagal mewujudkan penintegrasian antara kedua-dua belah pihak. Pergolakan dan perpecahan terus berlaku.

Sehubungan itu, tidak kira sama ada konflik yang berlaku itu kecil (*al-iftiraq al-sughra*)¹ atau besar (*al-iftiraq al-kubra*)², ia perlu dikelolakan melalui metode yang baik bagi

¹ Perpecahan kecil seperti yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga, rakan-rakan, ahli jawatankuasa masjid, syarikat perniagaan, organisasi, institusi dan sebagainya. Meskipun ia perpecahan kecil dan tidak menggugat kestabilan serta keamanan negara, namun jika tidak diuruskan dengan baik, maka sudah pasti ia akan merebak dan makin parah.

² Perpecahan besar seperti perpecahan yang berlaku dalam kalangan umat Melayu-Islam dan antara kumpulan parti pemerintah sesebuah negara kerana ia sama sekali boleh menjelaskan keutuhan, kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara.

menjamin keutuhan, kestabilan, keamanan dan kemakmuran Negara sentiasa terpelihara. Persoalannya, apakah metode pengelolaan konflik politik berlandaskan pengajaran daripada kasus konflik politik antara Ali bin Abu Talib r.a. dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan? Bagi menjawab persoalan ini, kajian ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti kasus konflik politik Ali-Mu'awiyah; dan kedua, menganalisis dan merumuskan metode pengelolaan konflik politik berlandaskan pengajaran daripada kasus konflik politik Ali-Mu'awiyah tersebut.

KAJIAN LITERATUR

Perbincangan dalam kajian literatur ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama, membincangkan maksud metode pengelolaan. Bahagian kedua membincangkan maksud konflik serta kedudukannya sama ada negatif atau positif; dan bahagian ketiga pula membincangkan latar belakang kasus konflik politik antara Ali bin Abi Talib r.a. dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

a) Metode Pengelolaan

Perbincangan berkaitan definisi metode pengelolaan boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, definisi metode pengelolaan yang hanya melibatkan hal-hal fizikal atau material. Misalnya, Standingford (1967:544) dan Warner (1996:652) yang mendefinisikan metode pengelolaan sebagai cara, proses, prosedur atau peraturan yang bersistematis untuk melaksanakan aktiviti pengelolaan demi mencapai matlamat yang ditetapkan. Menurut Armstrong (1993), semua cara, proses, prosedur atau peraturan itu mestilah bersifat objektif, saintifik dan kuantitatif.

Kedua, definisi metode pengelolaan yang mengambil kira kedua-dua aspek iaitu fizikal dan spiritual. Misalnya, Carroll (1973:577) yang berpandangan sesuatu metode pengelolaan mestilah mengambil kira elemen fizikal dan mental. Hal ini juga ditekankan oleh Mohd Affandi Hassan (1992:70) bahawa elemen spiritual merupakan elemen yang sangat penting dalam metode pengelolaan, lebih-lebih yang diuruskan itu pula adalah manusia. Menurut Mustapha Hj. Mohd. Jar (1986:17) dan Wan Azhar Wan Ahmad (2014), manusia sebagai suatu komposit yang terdiri daripada unsur-unsur fizikal, roh, akal dan nafsu. Aspek fizikal itu sebagai diri *haywaniyyah* (haiwan), manakala aspek roh itu sebagai diri *natiqah* (rasional). Simbiosis antara kedua aspek inilah menjadikan manusia itu manusia. Kedua-duanya saling bergantungan antara satu sama lain untuk memberi makna kepada kehidupan. Sekiranya salah satunya tiada atau kepentingan salah satunya terabai, maka manusia tidak lagi menjadi manusia.

Metode pengelolaan yang digunakan dalam makalah ini merujuk kepada cara, proses, prosedur atau peraturan dalam mengelola konflik politik yang berlaku untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. pengelolaan konflik politik ini pula mengambil kira aspek fizikal dan spiritual pengurusan secara bersepada.

b) Konflik: Positif atau Negatif?

Menurut Marilyn (2006), konflik dirujuk sebagai "*To perceived incompatibilities resulting typically from some form of interference or opposition*" (merasai ketidakserasan yang terhasil daripada sebarang bentuk gangguan atau pertembungan). Spaho (2013) pula menyatakan konflik politik sebagai ketidakserasan antara anggota sesuatu organisasi politik dengan rakan-rakannya dalam organisasi politik yang sama atau dengan organisasi politik yang lain atau beberapa individu yang tidak boleh bekerjasama dalam menguruskan perkhidmatan atau produk organisasi itu. De Bono (1985) pula menganggap konflik adalah sebagai satu bentuk pertandingan antara dua pihak yang mempunyai kehendak berbeza. Manakala konflik mengikut pengertian ilmu sosiologi pula adalah suatu proses sosial antara dua orang atau lebih. Dalam hal ini, salah satu pihak berusaha menghancurkan pihak lain atau

membuat pihak lain tidak berdaya (Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah, 2013).

Konflik menurut sudut pandang sarjana Islam pula lebih terperinci kerana wahyu adalah perkara tunjang dalam sesuatu pandang sarwa Islam (*Islamic Worldview*). Perkara ini disokong oleh beberapa tokoh sarjana dan pengkaji Muslim dalam mendefinisikan konflik. Menurut Bharuddin Che Pa dan Ajidar Matsyah (2013), terdapat ada beberapa perkataan Arab yang menunjukkan makna konflik iaitu *khilaf* dan *ikhtilaf*. Secara asasnya kedua-dua perkataan ini membawa makna yang sama iaitu konflik, namun sebahagian ulama cuba untuk membezakannya. Kalimat *khilaf* biasanya merujuk kepada perbezaan pandangan atau konflik secara internal. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud “Dan Aku tidak berkehendak menyalahi kamu (dengan mengerjakan) apa yang Aku larang” (Hud, 11:88).

Penggunaan kalimat *khilaf* dalam ayat ini menggambarkan tentang dakwah Nabi Syu'aib a.s kepada kaumnya yang mereka sama-sama dalam satu kelompok. Manakala kalimat *ikhtilaf* diguna pakai untuk menggambarkan konflik dengan kelompok lain secara eksternal. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud “*Maka berselisihanlah golongan-golongan (yang ada) antara mereka*” (Maryam, 19:37)

Ungkapan *khilaf* dan *ikhtilaf* ini menunjukkan konflik adalah *iradah* (kehendak) Allah SWT kepada manusia yang mesti diterima sebagai suatu kemestian. Oleh itu, konflik bersifat neutral (tidak positif dan tidak pula negatif), tetapi terserah kepada manusia bagaimana mengelolakan konflik itu.

Selain itu, Fikhry Hakim Fadzilullah (2015) menyatakan konflik terdiri daripada tiga perkara iaitu perselisihan pendapat, perdebatan dan perbalahan. Menurut beliau lagi, konflik adalah suatu gangguan yang dialami oleh individu atau sesebuah kumpulan daripada individu atau kumpulan yang lain dalam usaha untuk mencapai sesuatu matlamat.

Berdasarkan pengertian konflik yang dikemukakan ini, dapat disimpulkan bahawa konflik sebenarnya adalah perkara lumrah dalam masyarakat. Cuma yang perlu dilakukan adalah bagaimana untuk mengelola konflik itu supaya terhindar daripada kesan buruk yang boleh merosakkan sesebuah organisasi atau kumpulan. Hal ini bertepatan dengan perkara yang dijelaskan oleh Mohd Fuad Sakdan (2005) iaitu terdapat beberapa persepsi yang melatari sekitar konflik ini. Antaranya yang menganggap konflik ini sebagai suatu keadaan semulajadi dan perlu kepada alternatif dalam menghadapi konflik.

Dalam banyak situasi, konflik sering digambarkan sebagai suatu perkara yang negatif apabila ia berlaku dalam mana-mana organisasi atau kumpulan. Walau bagaimanapun, jika konflik tersebut dikelola menggunakan metode-metode tertentu, ia akan menghasilkan suatu impak yang positif. Hal ini disokong oleh ramai sarjana dalam membincarkan kebaikan konflik sekiranya dikelola dengan baik. Misalnya Tjosvold (1993) yang menyatakan antara kelebihan konflik ialah meningkatkan kesedaran terhadap masalah dan membangunkan personaliti diri. Beliau menganggap dengan cara perbincangan akan dapat mengenal pasti kelemahan kualiti dan ketidakadilan pengelolaan organisasi atau kumpulan di samping cara berkonfrantasi terhadap konflik pula akan mendidik pengolola dan pekerja dalam sesebuah organisasi atau kumpulan cara mereka boleh mempengaruhi orang lain.

Selain itu, Ahmad Atory Hussain (1991) mengemukakan pandangan March dan Simon yang menyokong hujah akan wujudnya kerjasama apabila berkonflik. Terdapat empat kesan daripada konflik yang berlaku. Pertama, penyelesaian masalah dalam organisasi-organisasi atau kumpulan-kumpulan yang berkonflik dengan cuba mencari metode yang paling baik untuk mencapai kata sepakat. Kedua, setiap organisasi atau kumpulan cuba memujuk setiap organisasi atau kumpulan lain untuk menerima sesuatu keputusan kata sepakat yang dibuat. Ketiga, menggunakan kuasa tawar-menawar dengan beberapa syarat untuk menyelesaikan konflik. Keempat, dalam bidang politik, terdapat ketidaksetujuan bukan sahaja atas matlamat-matlamat, tetapi cara konflik itu dikelolakan.

Meskipun begitu, terdapat juga sarjana yang melihat konflik sebagai suatu mudarat besar kepada organisasi atau kumpulan. Menurut Mohd Foad Sakdan (2005), individu, kumpulan maupun organisasi tidak sepatutnya membiarkan konflik wujud kerana keadaan seperti itu boleh mendatangkan mudarat. Beliau mengatakan konflik sama dengan kemusnahan, kekejaman dan tidak rasional.

Namun begitu, Islam tetap mengambil sikap berhati-hati agar konflik yang berlaku tidak melampaui batas. Konflik yang melangkaui adab-adab yang telah digariskan Islam dan tidak terkawal akan membawa kepada pertelingkahan sehingga muncul keadaan yang tidak harmoni dalam sesebuah organisasi atau kumpulan. Hal ini akan memberikan impak negatif terhadap prestasi organisasi atau kumpulan. Allah SWT berfirman yang bermaksud “*Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar*” (al-Anfal, 8:46).

Sebenarnya Islam melihat konflik sebagai suatu amanah besar yang perlu dikelolakan oleh manusia yang berperanan sebagai khalifah di muka bumi. Apa jua bentuk dan jenis konflik adalah keadaan yang perlu dihadapi oleh manusia. Sekiranya manusia berhadapan dengan apa jua bentuk konflik, tugas mereka adalah menggunakan akal dan petunjuk yang diberikan oleh Allah SWT untuk menyelesaikan konflik berkenaan. Dengan kebijaksanaan akal dan petunjuk oleh Allah SWT, sebarang kekurangan dan konflik membolehkan semua sumber dalam organisasi digunakan secara optimum untuk mencapai hasil yang optimum. Kesan daripada inilah, maka lahirlah konsep “Kaizen”, “Learning Organization”, “Total Quality Organization” dan pelbagai lagi proses untuk meningkatkan kecekapan organisasi (Muhammad Nubli Abd Wahab, 2008)

c) Latar Belakang Kasus Konflik Politik Antara Ali bin Abi Talib dengan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan

Jika disoroti kasus konflik umat Islam, khususnya pada pasca pemerintahan Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan r.a., didapati faktor politik merupakan faktor yang paling dominan membawa kepada konflik. Hal ini kerana dalam berpolitik setiap pihak mempunyai keinginan, kepentingan, matlamat, dan hala tuju masing-masing. Apabila bertembung semua perkara ini, maka ia akan mencetuskan konflik. Mungkin agak keterlaluan jika dikatakan faktor politik merupakan punca konflik umat Islam yang paling dominan. Namun hal ini telah diakui oleh al-Syahristani (t.th:13) dengan menyatakan konflik terbesar antara umat ialah konflik mengenai *imamah* (kepemimpinan), kerana pedang tidak pernah dihunus dalam Islam atas alasan agama sebagaimana (sesering) dihunus pedang karena *imamah* pada setiap zaman.

Jelas di sini bahawa masalah *imamah* adalah masalah politik. Ia merupakan masalah menentukan seseorang pemimpin yang akan memimpin umat (Fikri Mahmud, t.th). Walaupun perbalahan mengenai *imamah* itu sudah bermula sejak kewafatan Rasulullah SAW, terutama antara golongan Muhajirin dengan Ansar, tetapi ia dapat diuruskan dengan baik sehingga kedua-dua pihak bersetuju melantik Abu Bakar al-Siddiq r.a. sebagai khalifah Islam yang pertama. Dengan itu keadaan menjadi tenang dan tiada sebarang pertumpahan darah berlaku (Mahmud Syakir, 1991: 49-56).

Sejak peristiwa pembunuhan Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan r.a. (tahun 35 H) sehingga ke hari ini, umat Islam tidak lagi memiliki pemimpin yang dipersetujui sepenuhnya oleh semua pihak. Setiap kelompok mempunyai pemimpinnya yang tersendiri dan tidak mengakui pemimpin dari kelompok yang lain. Sebenarnya, peristiwa pembunuhan Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan r.a. itu juga ada kaitan dengan masalah politik. Kelompok pemberontak yang tidak senang dengan para gabenor yang dilantik oleh Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan r.a. menuntut

agar Khalifah ketiga itu meletakkan jawatan, tetapi ‘Uthman bin ‘Affan r.a. enggan berbuat demikian. Keengganan ‘Uthman bin ‘Affan r.a. meletak jawatan membuatkan kelompok pemberontak marah dan akhirnya ‘Uthman bin ‘Affan r.a. mati dibunuh (Abu Zahrah, 1996:26-29; Ahmad Jilli, 1988:30-45; al-Syakah, 1994:101).

Kematian ‘Uthman bin ‘Affan r.a. ini menjadi titik tolak berlakunya konflik dalam kalangan umat Islam. Menurut al-Baghdadiy (1997:24), setelah terbunuhnya ('Uthman bin ‘Affan r.a.), mereka (para shahabat) bertelagah mengenai orang-orang yang telah membunuhnya dan membiarkannya terbunuh. Perselisihan ini kekal (berbekas) sampai ke hari ini (zaman sekarang).

Sebagai akibat daripada pembunuhan ‘Uthman bin ‘Affan r.a. itu, perang saudara pun mulai tercetus. Perang yang pertama terjadi ialah Perang *Jamal* (Unta) pada tahun 36H. Dalam peperangan ini, kelompok yang dipimpin oleh Sayyidatina A’isyah r.ah menuntut bela atas kematian ‘Uthman bin ‘Affan r.a. terhadap kelompok Ali bin Abi Talib r.a. yang dilantik menjadi khalifah sesudah ‘Uthman bin ‘Affan r.a. Setelah membunuh ‘Uthman bin ‘Affan r.a., kelompok pemberontak bergabung dengan Ali bin Abi Talib r.a. Sebab itulah kelompok A’isyah r.ah. dan kelompok Mu‘awiyah bin Abi Sufyan r.a. menuntut agar Ali bin Abi Talib r.a. menjatuhkan hukuman terhadap kelompok pemberontak. Namun, Abi Talib r.a. tidak dapat melaksanakan tuntutan itu. Hal ini menyebabkan konflik politik yang berpanjangan. Konflik politik yang berlaku ini merupakan *al-Fitnah al-Kubra* (bencana besar) dalam kalangan umat Islam. Ia menyebabkan umat Islam berpecah kepada tiga kelompok. Pertama, kelompok Ali bin Abi Talib r.a.; kedua, kelompok Mu‘awiyah bin Abu Sufyan; dan ketiga, kelompok moderat (*neutral*) yang tidak memihak kepada mana-mana kelompok tersebut (al-Syahrastaniy, t.th:136-137).

Dua kelompok pertama memiliki pengikut yang ramai, sedangkan kelompok moderat jumlah pengikutnya tidak diketahui kerana mereka tidak masuk campur dalam masalah politik. Walau bagaimanapun, kelompok moderat ini merupakan majoriti umat. Antara para sahabat yang bergabung dalam kelompok moderat ini ialah Abdullah bin Umar r.a. (Ibn Umar), Sa‘ad bin Malik r.a, Sa‘ad bin Abi Waqqas r.a, Muhammad bin Maslamah r.a, Usamah bin Zaid r.a, dan lain-lain (al-Syahrastaniy, t.th:136-137).

Pertentangan antara kelompok ‘Ali bin Abi Talib r.a. dengan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan semakin meruncing dan membawa kepada berlakunya Peperangan *Siffin* pada tahun 37H. Ada pelbagai riwayat tentang tragedi perang saudara ini. Secara ringkasnya, Perang *Siffin* memperlihatkan perbezaan pandangan berhubung bagaimana menangani peristiwa pembunuhan ‘Uthman bin ‘Affan r.a. oleh pemberontak yang terdiri daripada golongan fasik dan munafik pada masa itu. ‘Ali bin Abi Talib r.a. dan para sahabat yang bersama beliau berpandangan bahawa kukuhkan terlebih dahulu pemerintahan Islam dan kedudukan kaum Muslimin sebelum mencari, menghukum dan melemahkan kedudukan pemberontak dan pembunuhan ‘Uthman bin ‘Affan r.a. Sementara itu, Mu‘awiyah bin Abu Sufyan dan para sahabat yang bersamanya pula berpandangan sebaliknya. Akhirnya berlakulah peperangan antara dua kelompok sahabat ini di tempat yang bernama *Siffin* sebagai akibat daripada kesilapan memahami maklumat yang sampai (Abu Zahrah, 1996:26-29; Ahmad Jilli, 1988:48; al-Syahrastaniy, t.th:106; al-Syakah, 1994:103; al-Maghribiy, 1995:170).

Setelah kelompok Mu‘awiyah bin Abu Sufyan hampir kalah, mereka mengajak kelompok ‘Ali bin Abi Talib r.a. untuk bertahkim (berunding) bagi mencari jalan penyelesaian kepada konflik yang berlaku. Majlis *Tahkim* ini diadakan di *Da‘umah al-Jandal* pada bulan Ramadan tahun 37H. Dalam Majlis *Tahkim* ini, kelompok Mu‘awiyah bin Abu Sufyan r.a. diwakili oleh ‘Amru bin al-‘As r.a. dan kelompok ‘Ali bin Abi Talib r.a. diwakili oleh Abu Musa al-Asy‘ari r.a. Kedua-duanya individu ini berperanan sebagai hakim dari kelompok masing-masing. Dalam Majlis *Tahkim* tersebut, ‘Amru bin al-‘As r.a. berpandangan bahawa konflik yang terjadi adalah disebabkan oleh dua orang, iaitu ‘Ali bin

Abi Talib r.a. dan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan r.a. Bagi tujuan perdamaian, ‘Ali bin Abi Talib r.a. dan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan patut ketepikan dan kemudian urusan pemilihan khalifah baru diserahkan kepada umat Islam. ‘Amru bin al-‘As r.a. terlebih dahulu memberi ruang kepada Abu Musa al-Asy‘ari r.a. untuk naik mimbar bagi mengumumkan pemecatan Khalifah ‘Ali bin Abi Talib r.a. Sesudah itu, ‘Amru bin al-‘As r.a. pula naik ke atas mimbar bagi mengetepikan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan r.a. Namun, ‘Amru bin al-‘As r.a. tidak mengetepikan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan r.a., sebaliknya menerima pemecatan ‘Ali bin Abi Talib r.a. dan terus melantik Mu‘awiyah bin Abu Sufyan sebagai khalifah umat Islam kerana ‘Ali bin Abi Talib r.a. sudah dipecat daripada jawatan khalifah. Hal menyebabkan kelompok ‘Ali bin Abi Talib r.a. tidak puas hati (Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy & Mohd Mauli Azli Abu Bakar, 2006)³.

Perundingan tersebut bukan sahaja tidak menyelesaikan konflik, malah menimbulkan kelompok baru. Kelompok ‘Ali bin Abi Talib r.a. berpecah dua. Pertama, kelompok yang taat setia kepadanya (pada ketika ini dikenali sebagai golongan Syiah); kedua, kelompok yang

³ Maulana Muhammad Ali (1951:302) menolak cerita ini dengan beberapa alasan. Pertama, selepas berlakunya Majlis *Tahkim* didapati kedua-dua pemimpin ('Ali dan Mu‘awiyah) masih terus kekal berkuasa ke atas wilayah masing-masing; kedua, jika yang dimaksudkan dengan ‘*al-amr*’ ialah kuasa kepimpinan umum dan kuasa sebagai *amir al-mu’minin*, maka Mu‘awiyah semasa Majlis *Tahkim* belum lagi menjadi imam (khalifah) hingga mendorong ‘Amr bin al-‘As untuk menetapkannya sebagai khalifah; ketiga, punca kekeliruan cerita ini adalah kejahanan mengenai hakikat sebenar bahawa Mu‘awiyah pada masa itu masih belum menjadi khalifah dan beliau juga tidak mendakwa dirinya sebagai khalifah hingga mendorong ‘Amr bin al-‘As untuk melucutkannya daripada jawatan khalifah. Perkara yang telah disepakati oleh Abu Musa al-Asy‘ari dan ‘Amr bin al-‘As adalah menyerahkan urusan pelantikan khalifah kepada para sahabat Rasulullah SAW yang terkemuka dan diredayai oleh baginda sehingga akhir hayatnya. Oleh itu, persetujuan *Tahkim* tidak melibatkan Mu‘awiyah kerana beliau belum menjadi khalifah dan beliau tidak berperang kerana menuntut jawatan khalifah, bahkan beliau menuntut hukuman qisas ke atas mereka yang membunuh Sayyidina ‘Uthman bin ‘Affan. Apabila kedua-dua wakil tersebut bersetuju untuk menyerahkan urusan pelantikan khalifah kepada tokoh dan sahabat Rasulullah SAW yang utama, maka Majlis *Tahkim* hanya menyentuh satu perkara sahaja iaitu ‘*al-imamah*’ atau kepimpinan umat; dan keempat, selain itu, Mu‘awiyah juga tidak mendakwa dirinya sebagai khalifah kecuali setelah Sayyidina al-Hasan bin ‘Ali memberikan baiah kepadanya sebagai khalifah pada tahun 41 H. Selepas peristiwa itu, barulah Mu‘awiyah memakai gelaran *amir al-mu’minin*. Selain itu, Marzuki Hj Mahmood (1994) menolak sekera-kerasnya cerita ini. Beliau mengatakan bahawa perkara yang diketengahkan oleh sejarah mengenai keputusan kedua-dua hakim memecat ‘Ali bin Abi Talib r.a. dan Mu‘awiyah daripada jawatan masing-masing adalah sesuatu yang amat palsu kerana dua sebab. Pertama, peristiwa pemecatan ‘Ali bin Abi Talib r.a. memang kena pada tempatnya, sebab ia berjawatan khalifah, tetapi bagi Mu‘awiyah, apakah jawatan yang dipecat daripadanya? Hal ini kerana Mu‘awiyah pada waktu itu bukan seorang khalifah dan bukan pula seorang gabenor. Jawatan gabenornya sudah lama dipecat oleh Khalifah ‘Ali bin Abu Talib r.a.; dan kedua, lebih palsu lagi, perkara yang dikatakan kononnya ‘Amr bin al-‘As menipu Abu Musa al-Asy‘ari dengan mengekalkan Mu‘awiyah. Soalnya, apakah yang dikekalkan oleh ‘Amr bin al-‘As itu? Jawatan sebagai khalifah atau sebagai gabenor? Kedua-dua jawatan itu tidak berhak dikekalkan, kerana ia sememangnya tidak disandang oleh Mu‘awiyah. Cuma yang masih disandang oleh Mu‘awiyah ialah pengaruh dan kuasa pimpinannya ke atas masyarakat Syam, serta sifatnya sebagai ketua pemberontak dari Syam. Jadi, apakah pernah berlaku dalam mana-mana sejarah, hakim negara menjatuhkan hukuman melucutkan pengaruh dan

memberontak dan keluar dari kelompok ‘Ali bin Abi Talib r.a. Mereka berbalik menjadi musuhnya, karena tidak puas dengan keputusan ‘Ali bin Abi Talib r.a. untuk mengikuti perundingan tersebut (kelompok ini dikenali sebagai Khawarij). Kelompok ini pada mulanya memaksa ‘Ali bin Abi Talib r.a. untuk ikut bertahkim, tetapi setelah ‘Ali bin Abi Talib r.a. menerima *Tahkim* mereka menolaknya. Mereka berpegang dengan *la hukm illa li Allah* (tiada hukum (keputusan) melainkan bagi Allah SWT semata-mata) (Abu Zahrah, 1996:26-29; Ahmad Jilli, 1988:48; al-Syahrastaniy, t.th:106; al-Syakah, 1994:103; al-Maghribiy, 1995:170).

Implikasi daripada konflik politik ini, perpecahan berlaku. Perpecahan ini sangat jelas dilihat apabila kelompok yang berkonflik itu berpecah menjadi tiga, iaitu kelompok Mu‘awiyah bin Abu Sufyan, kelompok ‘Ali bin Abi Talib r.a. dan kelompok Khawarij. Kelompok Khawarij ini mengkafirkan kelompok pertama dan kedua. Sebagai akibatnya, kelompok Khawarij menghalalkan darah orang Islam yang tidak sependapat dengan mereka; memerangi kelompok pertama dan kedua; dan mengutus utusan rahsia untuk membunuh ‘Ali bin Abi Talib r.a., Mu‘awiyah bin Abu Sufyan dan ‘Amru bin al-‘As r.a. Mu‘awiyah bin Abu Sufyan dan ‘Amru bin al-‘As r.a. selamat daripada cubaan membunuh, sedangkan ‘Ali bin Abi Talib r.a. terbunu di tangan Abdul Rahman bin Muljam pada tahun 40 H.

Kewafatan Ali bin Abi Talib r.a. menyebabkan para pengikutnya sedih. Hasan, Putra Ali pertama, diangkat menjadi khalifah menggantikan ayahnya. Hasan berpandangan bahawa pertentangan politik ini merugikan umat Islam seluruhnya. Oleh sebab itu, beliau mengadakan perdamaian dengan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan bagi mengelakkan lebih banyak pertumpahan darah dalam kalangan umat Islam berlaku. Hasan melepaskan jawatan pada tahun 41H dan menyerahkan kekuasaan kepada Mu‘awiyah bin Abu Sufyan. Hasan meminta agar Mu‘awiyah bin Abu Sufyan menyerahkan urusan khilafah kepada kaum Muslimin apabila ia meninggal nanti. Hasan juga meminta agar kelompok Mu‘awiyah bin Abu Sufyan berhenti menghina Ali bin Abi Talib r.a. dalam khutbah-khutbahnya (Abu Zahrah, 1996:34). Gerakan perdamaian ini disokong oleh masyarakat Islam, sehingga tahun itu disebut sebagai Tahun Persatuan (*‘am al-jama‘ah*). Walau bagaimanapun, perjanjian tersebut tidak kekal lama kerana Mu‘awiyah bin Abu Sufyan menabalkan putranya Yazid bin Mu‘awiyah sebagai Putra Mahkota bagi menggantikannya setelah beliau wafat.

Setelah Mu‘awiyah bin Abu Sufyan wafat pada tahun 60H, Yazid bin Mu‘awiyah bin Abu Sufyan dilantik menjadi khalifah. Hal itu membuatkan bukan sahaja kelompok Syiah marah, malah seluruh kaum Muslimin melahirkan kemarahan mereka. Kemarahan ini disebabkan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan jelas melanggar perjanjian damai yang telah dipersetujui dengan Hasan sebelum hari. Namun begitu, kaum Muslimin tidak dapat mengambil sebarang tindakan kerana Mu‘awiyah bin Abu Sufyan memerintah dengan kuku besi. Pada zaman Yazid bin Mu‘awiyah memerintah, permusuhan kelompok Umawi terhadap Syiah semakin menjadi-jadi. Kelompok Syiah diperangi habis-habisan. Hussin terbunu di Karbala (10 Muharram tahun 61H) dalam pertempuran yang tidak seimbang. Kepalanya dipenggal dan dibawa ke hadapan Yazid bin Mu‘awiyah sebagai persembahan. Dengan itu, Bani Umayyah bertambah kuat sehinggakan tidak dapat ditandingi.

Berdasarkan kasus konflik politik dalam kalangan umat Islam, jelas didapati faktor *imamah* (kepimpinan) yang termasuk dalam aspek politik merupakan faktor yang paling dominan membawa kepada konflik. Begitu juga dengan konflik umat Islam di negara-negara serantau pada ketika ini, ia berlaku apabila terdapat beberapa kumpulan dan parti politik yang disertai oleh orang Islam. Perbezaan ideologi dan fahaman menyebabkan mereka berpecah belah sedangkan Islam amat mementingkan umatnya bersatu padu (Sapora Sipon, 2008). Hal ini kerana dalam berpolitik setiap pihak mempunyai kepentingan, matlamat, hala tuju dan keinginan masing-masing. Dengan itu, sudah tentu mereka menginginkan segala kepentingan, matlamat, hala tuju dan keinginan tercapai.

METODOLOGI

Metode pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian dokumen. Secara lebih terperinci, sumber-sumber data dalam kajian ini dikelompokkan kepada tiga bahagian. Kelompok data sumber pertama dan utama ialah al-Qur'an dan Hadith. Kelompok data sumber kedua ialah karya-karya berkaitan sejarah pemerintahan Islam. Kelompok data sumber ketiga pula adalah karya-karya berkaitan metode pengelolaan. Disebabkan data yang dikumpulkan adalah daripada sumber wahyu, tesis, buku dan jurnal, justeru ia dianalisis menggunakan metode analisis kandungan (*content analysis method*).

HASIL DAN PERBINCANGAN

Banyak pengajaran yang dapat diambil daripada kasus awal konflik politik dalam kalangan umat Islam. Salah satu daripadanya ialah metode pengelolaan konflik yang berlandaskan Islam dapat dirumuskan. Paling tidak terdapat enam elemen metode pengelolaan konflik berlandaskan Islam ini iaitu:

a) Berpandukan Tasawur al-Qur'an dan al-Sunnah

Berdasarkan kasus konflik politik dalam kalangan umat Islam yang dibincangkan sebelum ini, didapati aspek politik menjadi faktor utama tercetusnya konflik. Sebenarnya konflik ini bukanlah disebabkan masalah politik semata-mata, tetapi juga disebabkan tidak berpandukan tasawur al-Qur'an dan al-Sunnah. Sebagai contoh, terdapat kekurangan pada aspek kejujuran dalam Majlis *Tahkim* antara 'Amru bin al-'As r.a. yang mewakili Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Abu Musa al-Asy'ari r.a. yang mewakili kelompok Ali bin Abi Talib r.a. Kedua-duanya bertindak sebagai hakim daripada kelompok masing-masing. Mengikut sesetengah riwayat, 'Amru bin al-'As r.a. telah melakukan tipu helah terhadap Abu Musa al-Asy'ari r.a. dengan mengatakan konflik yang terjadi adalah disebabkan oleh dua orang, iaitu Ali bin Abi Talib r.a. dan Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Bagi mewujudkan perdamaian, 'Amru bin al-'As r.a. memutuskan kedua-dua mereka patut diketepikan dan kemudian diserahkan kepada umat Islam untuk memilih khalifah yang baru. Tipu helah yang dilakukan oleh 'Amru bin al-'As r.a. itu telah berjaya menarik perhatian Abu Musa al-Asy'ari r.a. Dalam hal ini, 'Amru bin al-'As r.a. memberikan peluang kepada Abu Musa al-Asy'ari r.a. untuk menaiki mimbar dan mengumumkan pemecatan Ali bin Abi Talib r.a. Selepas itu, 'Amru bin al-'As r.a. pula menaiki mimbar dan mengumumkan penerimaan pemecatan Ali bin Abi Talib r.a. Oleh sebab Ali bin Abi Talib r.a. sudah dipecat daripada jawatan khalifah, maka tinggal seorang sahaja lagi, iaitu Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Dengan itu, 'Amru bin al-'As r.a. menetapkan Mu'awiyah bin Abu Sufyan r.a. sebagai khalifah umat Islam seluruhnya. Penetapan ini menyebabkan kelompok Ali bin Abi Talib r.a. tidak puas hati (Abu Zahrah, 1996:26-29; Ahmad Jilli, 1988:48; al-Syahrastaniy, t.th:106; al-Syakah, 1994:103; al-Maghribiy, 1995:170).

Sebenarnya, berpolitik dengan tidak berpandukan tasawur al-Qur'an dan al-Sunnah akan menyebabkan perpecahan. Menurut Tun Dr Mahathir Mohamad ketika berucap dalam *Persidangan Islam Global* mengenai *Perpaduan dan Ekonomi* anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia pada 2013, umat Islam berpecah kerana mereka mengabaikan ajaran Islam. Kita (umat Islam) perlu berpandukan al-Qur'an (kerana) ia panduan terbaik untuk semua. Seandainya anda mengikut al-Qur'an, anda tidak akan berpecah kepada parti-parti politik berbeza (The Malaysian Insider, 2013).

Jelas di sini bahawa faktor utama terjadinya konflik dalam kalangan umat Islam hari ini adalah berpunca daripada berpolitik dengan tidak berpandukan tasawur al-Qur'an dan al-Sunnah. Dengan itu, ada kelompok yang bertindak menghina dan mengaibkan kelompok lain di mimbar-mimbar dan ceramah-ceramah, bahkan ada yang dengan mudah mengkafirkkan sesama Muslim. Jika konflik politik ini dibiarkan terus berlaku tanpa dikelolakan secara

Islam, maka ia bagaikan mengulangi sejarah silam konflik umat Islam. Bagi mengelola konflik dalam kalangan umat Islam, tidak semestinya semua organisasi dan parti yang sedia ada perlu dibubarkan. Dalam hal ini, sesuatu konflik itu perlu diuruskan mengikut tasawur al-Qur'an dan al-Sunnah.

b) Menggunakan Kebijaksanaan Dengan Bertunjangkan Keikhlasan

Setiap pengelola konflik mestilah mempunyai kebijaksaan dalam menyatukan ummah, terutama masyarakat yang baru memeluk dan memahami agama Islam. Pada masa yang sama, seseorang pengelola wajib mengelola konflik hanya kerana Allah SWT. Ketika terjadinya Perperangan *Siffin*, empayar pemerintahan Islam sangat luas. Hal ini ditambah pula dengan ramai orang yang baru memeluk Islam, tetapi belum memahami ajaran Islam sepenuhnya. Dalam situasi sedemikian, dengan ketiadaan pemimpin yang bijaksana seperti Rasulullah SAW dan para sahabat baginda yang hebat seperti Abu Bakar al-Siddiq r.a, 'Umar bin al-Khattab r.a, dan 'Uthman bin 'Affan r.a. serta para sahabat besar Rasulullah SAW yang lain, maka kesatuan ummah mudah tergugat. Kelemahan ini memberi peluang kepada musuh-musuh Islam seperti Yahudi, Nasrani, golongan fasik dan munafik yang mempunyai agenda kepentingan peribadi atau agenda untuk memecah-belahkan ummah memanipulasikan pelbagai isu kecil dan remeh sehingga boleh bertukar menjadi isu besar. Dalam keadaan yang sebegini, pemimpin atau pengelola konflik yang ikhlas dan bijaksana sangat diperlukan kerana mereka tidak mudah terikut-ikut dengan 'tarian' musuh. Malah, mereka tidak mempunyai tujuan lain, melainkan hanya untuk mendapat keredaan Allah SWT.

c) Berwaspada Dengan Musuh

Sentiasa berwaspada dengan musuh terutamanya musuh yang secara zahirnya nampak sebagai Muslim, tetapi secara batinnya memusuhi Islam (munafik). Musuh dalam selimut sebegini boleh merosakkan Islam dari dalam seumpama api dalam sekam. Barisan kepemimpinan Ali bin Abi Talib r.a. dan Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang lemah memudahkan musuh dalam selimut memainkan peranannya untuk memecah belahkan umat Islam dari dalam. Dalam Perang *Siffin*, terdapat golongan munafik yang berada dalam kumpulan Ali bin Abi Talib r.a. Mereka berusaha meletakkan pemimpin-pemimpin mereka berdampingan dengan Ali bin Abi Talib r.a. dan membuat keputusan demi keputusan yang sentiasa berlawanan dengan keputusan Ali bin Abi Talib r.a. dan para sahabat Rasulullah SAW yang lain. Mereka mempunyai kemahiran memanipulasikan keadaan dan pandangan Ali bin Abi Talib r.a. dan orang kepercayaannya. Mereka dapat kenal pasti kelemahan Ali bin Abi Talib r.a. dan memanipulasikan kelemahan itu. Antara yang mereka lakukan adalah membantah keputusan Ali bin Abi Talib r.a. untuk menghantar pesanan secara rahsia kepada Ibn 'Abbas r.a. dalam Majlis *Tahkim*. Mereka mahu setiap pesanan perlu didedahkan kepada semua pengikut setia Ali bin Abi Talib r.a. Selain itu, mereka juga membantah pelantikan Ibn Abbas r.a. sebagai wakil Ali bin Abi Talib r.a. ke Majlis *Tahkim*, dan mendesak supaya Abu Musa al-Asy'ari r.a dilantik sebagai wakilnya. Ada juga riwayat yang menyatakan pada mulanya 'Ali bin Abi Talib r.a. ke Syam untuk bertemu dan berbincang dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Bagi menggagalkan pertemuan dan perbincangan yang dirancang itu, kelompok munafik yang berada dalam kumpulan Ali bin Abi Talib r.a. telah memulakan serangan terhadap tentera Mu'awiyah bin Abu Sufyan di *Siffin* tanpa arahan daripada Ali bin Abi Talib r.a. sendiri (al-Baladuri, 1996:108; al-Tabari, 1988:102).

Hal yang sama terjadi dalam kelompok Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Golongan munafik mula memainkan peranan mereka tatkala berlakunya Perang *Siffin*. 'Amru bin al-'As mencadangkan Mu'awiyah bin Abu Sufyan menghentikan perperangan dan kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah iaitu mengadakan perbincangan bagi tujuan perdamaian. Namun, golongan munafik memanipulasikan isu tersebut sehinggakan ramai umat Islam terpedaya

dan telah meletakkan al-Qur'an di hujung pedang dan tombak serta melaung-laungkan supaya peperangan dihentikan. Perbuatan meletakkan al-Qur'an di hujung pedang dan tombak dilihat sebagai menghina al-Qur'an dan bukanlah arahan daripada Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Jelas di sini bahawa, dalam mengelola konflik, seseorang pengelola perlu berwaspada dengan musuh-musuh 'dalam selimut'. Mereka mempunyai agenda-agenda tertentu dan berusaha untuk menggagalkan usaha menyatupadukan ummah. Dalam hal ini, seseorang pengelola konflik perlu lebih berhati-hati dan bijaksana

d) **Istiqamah**

Istiqamah membina perpaduan. Sebenarnya, sikap mengecualikan diri (*neutral*) daripada menghadapi konflik yang berlaku dan tidak berusaha membina perpaduan merupakan satu perbuatan yang tidak memberikan manfaat kepada umat Islam, malah memberi peluang kepada musuh-musuh Islam untuk menghancurkan perpaduan yang dibina. Dalam hal ini, seseorang pengelola konflik patut meneladani usaha yang dilakukan oleh Abu Umamah al-Bahili, Abu Darda' dan para Sahabat Rasulullah SAW yang lain untuk menyelesaikan konflik yang berlaku. Apabila berlakunya perbezaan pandangan dan perpecahan umat, maka perlu ada golongan yang tampil membina jalan-jalan ke arah kesatuan antara pihak yang bertelagah. Mereka perlu membuka minda dua kelompok yang bertelagah supaya melihat isu yang lebih besar iaitu perpaduan ummah berasaskan akidah Islam dan menjaga kesucian Islam.

Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud "*Dan jika dua puak daripada orang beriman berperang, maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satunya melakukan kezaliman terhadap yang lain, maka perangilah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah) serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang bertindak adil. Sebenarnya semua orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikan antara dua saudara kamu (yang berpecah) itu, dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat*" (al-Hujurat, 49:9-10)

Dalam ayat ini Allah SWT menyeru semua umat Islam berusaha mendamaikan dua golongan yang saling bertelagah dan fitnah-memfitnah, seterusnya berusaha menyekat daripada berlakunya peperangan yang boleh mengorbankan nyawa dan merosakkan harta benda. Berhubung peristiwa yang berlaku ini, seseorang Muslim yang berperanan sebagai pengelola tidak seharusnya berdiri sebagai penonton dan membiarkan perpecahan bertambah buruk dan semakin parah. Setiap orang yang berkebolehan dan berkemahiran patut membabitkan diri sebagai pengelola konflik untuk mengekang perpecahan daripada terus merebak.

e) **Ketepikan Penglibatan Pihak Luar**

Dalam mengelola sesuatu konflik yang berlaku antara dua kelompok dalam kalangan umat Islam, jangan sama sekali membenarkan campur tangan pihak luar atau kuasa asing yang pada zahirnya nampak seperti ingin membantu, tetapi pada hakikatnya ingin memusnahkan kesatuan umat Islam. Ada riwayat yang menyatakan bahawa kerajaan Rom telah menghantar utusan bertemu dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan menawarkan pertolongan untuk memerangi tentera Ali bin Abi Talib r.a. Dengan ketegasan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, beliau menolak campur tangan kuasa asing itu kerana beliau sendiri tahu yang beliau bukan menentang kepemimpinan Ali bin Abi Talib r.a. sebagai Khalifah Islam, tetapi hanya menuntut supaya pembunuhan 'Uthman bin Affan r.a. diadili dan dihukum terlebih dahulu. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kata-katanya yang masyhur, "Aku tidak memerangi Ali (bukan kerana perebutan jawatan khalifah) kecuali kerana urusan pembunuhan Uthman" (Maulana Muhammad Ali, 1951:302).

f) Menyelidiki (*Tabayyun*) Segala Maklumat

Dalam situasi tegang dengan perbalahan dan perpecahan, maklumat yang benar, sahih dan tepat sukar diterima dan dihayati oleh kedua-dua belah pihak yang bertelagah. Matlamat dan hala tuju perjuangan akan menjadi kabur; sesuatu isu mudah dimanipulasikan dengan suntikan emosi. Apabila golongan munafik yang bergerak secara berstrategi berjaya menguasai penyebaran maklumat dalam masyarakat, maka kebanyakan orang akan terkeliru dan terpengaruh. Contohnya, dalam periwayatan Perang *Siffin*, kelompok Mu‘awiyah bin Abu Sufyan dikatakan sebagai pemberontak yang menentang Ali bin Abi Talib r.a. berdasarkan hadis Nabi SAW yang menyatakan Ammar bin Yasir akan dibunuh oleh pemberontak dan Ammar pada waktu itu berada dalam kelompok Ali bin Abi Talib r.a. dan syahid. Mereka terlupa dengan hadis Nabi SAW yang lain, yang menyatakan pembunuhan Zubair Ibn ‘Awwam akan mendapat balasan di neraka, sedangkan ketika itu Zubair berada dalam kelompok Mu‘awiyah bin Abu Sufyan dan juga syahid. Para sahabat Rasulullah SAW yang berada dalam kedua-dua kelompok itu menjadi keliru dengan dasar perjuangan mereka.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian yang berjudul *Tasawur Pembangunan Berteraskan Islam: Kajian Berdasarkan Hadith Dalam Sahih Al-Bukhariy* (16 Ogos 2014-15 September 2016) yang dibiayai oleh Geran Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang [304/CISDEV/6313062].

KESIMPULAN

Mengelola manusia amatlah rumit, lebih-lebih lagi mengelola konflik dalam kalangan mereka. Justeru, bagi mengembalikan kesatuan umat Islam di negara ini, pengajaran daripada kasus konflik politik yang terjadi antara Ali bin Abu Talib r.a. dengan Mu‘awiyah bin Abu Sufyan pasca pemerintahan Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan r.a. patut diambil agar konflik besar sebegini tidak lagi berulang. Setiap pengajaran yang diperoleh itulah dijadikan sebagai metode pengelolaan konflik yang berlandaskan Islam. Metode pengelolaan konflik berlandaskan Islam ini mempunyai enam elemen iaitu berpandukan tasawur al-Qur'an dan al-Sunnah; menggunakan kebijaksanaan dengan bertunjangkan keikhlasan; berwaspada dengan musuh; istiqamah; mengetepikan penglibatan pihak luar; dan menyelidiki sesuatu maklumat yang disebarluaskan. Berdasarkan elemen-elemen inilah didapati metode pengelolaan konflik berlandaskan Islam merangkumi kedua-dua aspek iaitu fizikal dan spiritual.

DAFTAR PUSTAKA

- Abu Zahrah, Muhammad. (1996). *Tarikh al-madzahib al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Ahmad Atory Hussain. (1991). *Pengurusan organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ahmad Jilli, Ahmad Muhammad. (1988). *Dirasah an al-firaq fi tarikh al-muslimin: al-khawarij wa al-syiah*. Riyadh: King Faisal Centre for Research and Islamic Studies.
- Al-Baghdadiy, Abd al-Qadir bin Tahir bin Muhammad. (1997). *Al-farq bayn al-firaq*. Beirut: Dar al-Marifah.
- Al-Baladuri, Ahmad Ibn Yahya Ibn Jabir. (1996). *Ansab al-asyraf*. Jld. 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Maghribiy, Ali Abd al-Fattah. (1995). *Al-firaq al-kalamiyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Syahrastaniy, Abu al-Fath Muhammad bin Abd al-Karim. (t.th.). *Al-milal wa al-nihal*, Jld. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Syakah, Mustafa Muhammad. (1994). *Islam tidak bermazhab*, A.M. Basalamah (terj.), Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Tabari, Abu Jafar Muhammad Ibn Jarir. (1988). *Tarikh al-umam wa al-muluk*. Jld. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1991). *Al-tafsir al-munir fi al-'aqidah wa al-syari'ah wa al-minhaj*, Jld. 4. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah. (2013). *Konflik politik dan penyelesaiannya menurut perspektif Islam*. Kertas Kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI, anjuran UiTM Sarawak.
- Carroll, Phil. (1973). Method improvement, dlm. Heyel, Carl. (ed.), *The encyclopedia of management 2nd edition*. New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- De Bono, Edward. (1991). *Conflicts: A better way to resolve them*. London: Penguin Books
- Fikry Hakim Fadzilullah (2015). Konsep Pengurusan Konflik Menurut Perspektif Barat Dan Islam: Suatu Perbandingan, dlm. Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini (eds.), *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*, anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Marilyn, M. Helms. (2006). *Encyclopedia of management*. New York: Van Nostrand Reinhold
- Marzuki Hj Mahmood. (1994). *Isu-isu kontroversi dalam sejarah pemerintahan khulafa' al-rasyidin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mas'ud, Jubran. (1986). *Al-ra'id mu'jam lughawiyy 'asriy*. Jld. 2. Beirut, Lubnan: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Maulana Muhammad Ali. (1951). *The early caliphate*. Lahore: Ahmadiyyah Anjuman Ishaat Islam.
- Mohd Foad Sakdan. (2005). *Pengurusan konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *The tawhidic approach in management and public administration: concepts, principles, and an alternative model*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration (INTAN).
- Muhammad Nubli Abd Wahab. (2008). *Kecemerlangan pengurusan organisasi dalam Islam siri 2*. Kuantan, Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Mustapha Hj. Mohd. Jar. (1986). Konsep manusia dari perspektif barat dan Islam, dlm. Wan Hashim & Mahayudin Haji Yahaya (Eds.), *Sains sosial dari perspektif Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurazmallail Marni. (2003). *Peristiwa tahkim antara 'Ali dan Mu'awiyah (tahun 36H): suatu kajian dan pengajaran*. *Jurnal Teknologi* 38(E), hlm. 75-92.
- Sapora Sipon. (2008). *Selesai konflik mengikut etika pengurusan Islam*. Diakses daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0530&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm&arc=hive, pada 2 Februari 2016.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Quds & Mohd Mauli Azli Abu Bakar. (2006). Etika penyelesaian konflik dalam pentadbiran Islam, *Jurnal Syariah*, 14:1, hlm. 1-22.
- Spaho, Kenan. (2013). Organizational communication and conflict management. *Management Journal* 18 (1), hlm. 103-108.
- Standingford, Oliver. (1967). Organisation and methods, dlm. *Newnes Encyclopedia of Business Management*. London: George Newnes Ltd.
- The Malaysian Insider (2013). Perpecahan di kalangan umat Islam kerana abai ajaran Islam – Dr. M. Diakses daripada <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perpecahan-di-kalangan-umat-islam-kerana-abai-ajaran-islam-dr-m>, pada 7 Februari 2016.

- Tjosvold, Dean. (1993). *Learning to manage conflict*. New York: Lexington Books
- Wan Azhar Wan Ahmad. (2014). Hak asasi manusia: faham kontemporari vs kebenaran Qur'ani, *Majalah dakwah*, Januari/Februari, Bil. 23, hlm. 4-10.
- Warner, Malcolm. (1996). Management as art, science and theory, dlm. Warner, Malcolm. (ed.), *International encyclopedia of business and management*. London: Routledge.